



MEREALISASIKAN PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG HIBAH: KEPENTINGAN HIBAH SEBAGAI SALAH SATU MUAMALAT DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI MASYARAKAT ISLAM

REALIZING THE IMPLEMENTATION OF HIBAH LAW: THE IMPORTANCE OF HIBAH AS ONE OF THE MUAMALAT AND ITS IMPACT ON THE ECONOMY OF ISLAMIC SOCIETY

Aisah Ahmad^{1*}, Saifulazry Mokhtar², Irma Wani Othman³

¹ Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: aisahsyariah2020@gmail.com

² Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

³ Faculty of Islamic Studies, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: irma@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 05.07.2023

Revised date: 23.07.2023

Accepted date: 15.08.2023

Published date: 01.09.2023

To cite this document:

Ahmad, A., Mokhtar, S., & Othman, I. W. (2023). Merealisasikan Pelaksanaan Undang-undang Hibah: Kepentingan Hibah Sebagai Salah Satu Muamalat dan Kesannya Terhadap Ekonomi Masyarakat Islam. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (33), 01-21.

DOI: 10.35631/IJLGC.833001

Abstrak:

Hibah adalah salah satu instrumen perancangan pengagihan atau pemberian harta orang Islam yang dilakukan secara sukarela kepada orang lain sama ada dalam bentuk barangan atau harta yang nyata atau tidak nyata. Pengurusan harta yang baik dapat memastikan agar harta yang dimiliki dapat dimanfaatkan bagi tujuan pembangunan individu dan masyarakat Islam umumnya. Pengurusan harta yang baik juga dapat menjamin keadilan, menggalakkan pertumbuhan harta dan dapat mengelakkan berlakunya pertelingkahan atau perpecahan dalam kalangan umat Islam. Namun, terdapat satu isu utama yang berkisar di dalam rangka perundangan yang melibatkan pelaksanaan dan perkara-perkara berkaitan hibah iaitu ketiadaan suatu akta khusus yang dikanunkan dalam perundangan Malaysia bagi mengawal prosedur dan pentadbiran hibah. Walaupun tidak ada peruntukan perundangan khusus berkenaan hibah, namun perkara hibah ada diperuntukkan di dalam Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan pada frasa 'pemberian' pada senarai berikut. Mahkamah Syariah secara jelas mempunyai bidang kuasa dalam menentukan keabsahan sesuatu hibah berdasarkan Perkara 74 (2) dan pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Kajian ini dibuat dengan menggunakan Kaedah Pengumpulan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Data, Metode Temubual dan Kaedah Soal Selidik. Kajian ini dibuat hanya di 3 kawasan perumahan di daerah Sandakan, Sabah iaitu di Taman Kenari, Taman Rimba dan Taman Grandview dan penulis mendapati terdapat faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan dalam kalangan responden iaitu tahap pendapatan responden-responden.

Kata Kunci:

Hibah, Mahkamah Syariah, Pengurusan Harta, Perundangan

Abstract:

Hibah is one of the planning instruments for the distribution or gift of Muslim property that is done voluntarily to other people either in the form of tangible or intangible goods or property. Good property management can ensure that the property owned can be used for the development of individuals and the Muslim community in general. Good property management can also guarantee justice, promote the growth of property and can prevent conflicts or divisions among Muslims. However, there is one main issue that revolves around the legal framework involving the implementation and matters related to hibah, which is the absence of a specific act enshrined in Malaysian legislation to control the procedure and administration of hibah. Although there is no specific legal provision regarding grants, the matter of grants is provided in the Ninth Schedule, List 2, State List, Federal Constitution on the phrase 'grant' in the following list. The Syariah Court clearly has jurisdiction in determining the validity of a grant based on Article 74 (2) and amended Article 121 (1A) of the Federal Constitution. This study was made by using Data Collection Method Data Collection Method, Interview Method and Questionnaire Method. This study was conducted only in 3 housing areas in the Sandakan district, Sabah, namely in Taman Kenari, Taman Rimba and Taman Grandview and the author found that there are factors that affect the level of knowledge among the respondents, namely the income level of the respondents.

Keywords:

Grant, Syariah Court, Property Management, Legislation

Pengenalan

Sekitar RM70 bilion harta milik individu-individu Muslim yang telah meninggal dunia terpaksa dibekukan berikutan tidak ada waris-waris si mati yang menguruskan harta-harta tersebut dan kerumitan untuk menguruskannya disebabkan kematian waris berlapis di samping kurangnya kesedaran dalam ilmu pengurusan harta orang Islam. Bayangkan pula bagaimana dengan pengurusan harta-harta umat Islam di negara yang tidak mempunyai sistem perundangan syariah. Perkara ini sewajarnya dapat dielakkan atau setidaknya memberikan kesan positif yang signifikan terhadap umat Islam terutamanya bagi keluarga yang tidak mempunyai perancangan pendapatan keluarga sekiranya harta-harta tersebut diuruskan oleh si mati semasa mereka masih hidup melalui kaedah hibah. Hibah secara ringkasnya adalah salah satu kaedah pengurusan harta yang sangat efektif dalam membantu untuk meningkatkan ekonomi umat Islam secara menyeluruh kerana pemberi hibah boleh menghibahkan apa-apa harta miliknya tanpa had kepada sesiapa pun yang diingini. Dengan hibah, isu-isu yang melibatkan pewarisan dalam kalangan waris-waris fardhu dan bukan waris dapat dielakkan dan ditangani dengan lebih kemas dan sistematik. Oleh itu, penulis membuat kajian ini untuk

menyorot penggubalan undang-undang syariah yang sedia ada berkenaan hibah di Mahkamah Syariah Malaysia khususnya.

Kajian Literatur

Hibah dari sudut bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk ain¹ atau selainnya. Hibah adalah pemberian hak atau harta secara sukarela, tanpa dipaksa atau terpaksa daripada satu pihak kepada satu pihak yang lain dengan niat dan tujuan yang baik, tanpa mempunyai sebarang syarat, imbalan atau balasan (Ibn Manzur, 2003). Terdapat juga pelbagai takrifan diberikan oleh ramai fuqaha mengenai hibah seperti berikut:

Mazhab	Takrifan hibah
Syafi'i	Al-Sharbini dan rakan (1994) - Mazhab Syafi'i menambah makna hibah sebagai pemberian milik 'ayn harta tanpa balasan ketika hidup secara sukarela
Hanafi	Al-Qadiri dan rakan (1997) - Hibah ialah pemberian milik 'ayn harta tanpa balasan
Maliki	Pemberian milik ketika hidup tanpa balasan
Hanafi	Ibn Rushd dan rakan (t.th) - Pemberian milik suatu harta ketika hidup tanpa balasan secara sukarela atau sumbangan orang yang boleh menggunakan hartanya dengan memberi milik hartanya yang diketahui atau tidak diketahui

Hibah adalah salah satu kaedah pengurusan harta orang Islam yang mudah kerana hibah boleh dibuat secara terus kepada waris atau bukan waris tanpa perlu melalui faraid dan dilaksanakan ketika pemberi hibah masih hidup. Muda (2008) telah menyenaraikan beberapa ciri dalam menguruskan harta melalui konsep hibah antaranya ialah:

- i. Suatu akad pemberian milik harta kepada sesuatu pihak.
- ii. Harta yang boleh dihibah ialah ain harta, bukannya hutang atau manfaat.
- iii. Akad hibah dibuat tanpa mengenakan sebarang balasan (*iwad*).
- iv. Akad hibah berkuat kuasa semasa hidup pemberi hibah.
- v. Hibah dibuat secara sukarela tanpa paksaan.
- vi. Akad dibuat bukan bertujuan untuk mendapat pahala atau memuliakan seseorang tertentu.

Sebelum melangkah lebih jauh kepada perbincangan berkaitan dengan *Merealisasikan Pelaksanaan Undang-Undang Hibah: Kepentingan Hibah Sebagai Salah Satu Muamalat dan Kesannya Terhadap Ekonomi Masyarakat Islam*, terlebih dahulu kita melihat kajian lepas berkaitan dengan pengurusan harta, hibah, perundangan dan Mahkamah Syariah. Sorotan literatur ini dilihat secara menyeluruh berdasarkan kepada kata kunci dalam kajian yang

¹ Pemilikan fizikal sesuatu barangan sedangkan faedahnya dinikmati pihak lain
Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

dijalankan. Dalam kajian Abd. Wahab dan rakan-rakan (2015), para penulis menjalankan kajian terhadap pengurusan harta dalam Islam melalui hibah dalam menjamin kemaslahatan masyarakat di Alam Melayu. Kajian tersebut menyebut tentang kepentingan pengurusan harta melalui hibah dan aplikasi hibah di Malaysia. Kajian para penulis turut membincangkan konsep masalah dalam Islam serta kepentingan hibah sebagai instrumen dalam menjamin kemaslahatan masyarakat Islam di Alam Melayu.

Menerusi kajian Kambol (2019) pula bertujuan untuk mengkaji isu-isu berkaitan hibah dan penyelesaian terhadap isu-isu tersebut. Hasil kajian beliau mendapati terdapat banyak kelebihan sekiranya harta orang Islam diuruskan melalui hibah. Dalam kajian bertajuk *Status Quo Hibah dalam Penyelesaian Pertikaian Harta di Malaysia* oleh (Markom dan Mohd Arif, 2022), penulis-penulis membuat kajian dengan menganalisis keputusan kes-kes hibah di Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Penulis-penulis meneliti lapan (8) kes di Mahkamah Sivil di antara tahun 2006-2021 dan lima belas (15) kes di Mahkamah Syariah di antara tahun 1999-2019. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan analisis deskriptif menerusi pencernaan data dan kaedah kepustakaan. Kaedah ini dipilih kerana merupakan pendekatan terbaik untuk mendapatkan data kajian menerusi pelbagai buku, jurnal dan dokumen teks perundangan, seperti akta parlimen, enakmen negeri-negeri, resolusi syariah dan fatwa.

Golongan muallaf di Malaysia berhadapan dengan pelbagai masalah termasuklah permasalahan mengenai sekatan di dalam pewarisan. Sistem pewarisan Islam telah menetapkan bahawa harta seseorang Muslim hanya akan diwarisi oleh waris yang beragama Islam sahaja. Dalam erti kata lain, waris yang tidak beragama Islam tidak mempunyai hak di dalam pewarisan tersebut. Justeru, Azmi dan rakan-rakan (2022) telah menjalankan kajian berkaitan dengan *Hibah Sebagai Alternatif di dalam Menyelesaikan Isu Pewarisan Harta Pusaka Yang Melibatkan Muallaf di Malaysia: Satu Analisis*. Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan undang-undang doktrin, yang melibatkan data-data yang diperolehi daripada sumber primer dan sekunder seperti al-Quran, hadis, artikel jurnal, Perlembagaan Persekutuan, statut-statut dan kes undang-undang. Kajian ini bertujuan untuk mengklasifikasikan penggunaan instrumen hibah sebagai alternatif di dalam menyelesaikan permasalahan pewarisan di dalam kalangan muallaf serta mencadangkan beberapa langkah penyelesaian di dalam cadangan mewujudkan undang-undang hibah di Malaysia.

Seterusnya, dalam kajian bertajuk *Penyelesaian Warisan Melalui Hibah dalam Perspektif Hukum Islam* oleh M. Asro (2021) penulis membuat kajian tentang bagaimana hibah boleh menjadi penyelesaian kepada isu pewarisan. Metod yang digunakan dalam tulisan ini adalah metode deskriptif yang bertujuan untuk menggambarkan hibah sebagai penyelesaian waris. Nur Syaedah binti Kamis dan Norazlina binti Abd. Wahab (2021) pula bertujuan untuk mengkaji tahap dan penentu pengetahuan hibah dalam kalangan Muslim di Kedah berdasarkan tahap pendidikan, aliran pendidikan, keagamaan, pengaruh sosial dan media sosial. Kajian ini mendapati masyarakat Muslim di Alor Setar, Kedah mempunyai pengetahuan yang baik tentang hibah dengan aliran pendidikan, keagamaan, pengaruh sosial dan media sosial dikenal pasti sebagai faktor penting yang mempengaruhi pengetahuan mereka tentang hibah.

Hibah: Adakah Berkaitan Dengan Takaful atau Insuran

Hibah boleh dibuat dalam pelbagai bentuk dan cara. Salah satunya adalah melalui takaful atau insuran. Pada masa kini, terdapat banyak badan swasta seperti AIA PUBLIC Takaful Bhd, Great Eastern TAKAFUL dan lain-lain yang menawarkan pakej hibah secara takaful atau insuran. Dalam konteks hibah takaful, pemberian dibuat oleh peserta takaful secara sukarela

dengan menghadiahkan faedah takaful kepada pihak ketiga. Pengendali takaful akan membayar keseluruhan jumlah faedah takaful kepada penerima hibah apabila peserta takaful meninggal dunia tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang termaktub di dalam sijil takaful. Hibah melalui takaful atau insuran adalah salah satu langkah terbaik dalam memastikan waris-waris yang akan ditinggalkan kelak terjamin kelangsungan hidup dan kebajikan serta pendidikan mereka.

Hukum dan Dalil Pensyariatian Hibah

Dari segi hukum, hibah adalah suatu amalan yang disunat dan digalakkan dalam Islam terdapat banyak dalil berkaitan keharusan berhibah berdasarkan kepada al-Quran dan Sunnah. Antara ayat al-Quran yang menganjurkan amalan hibah ialah sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“...Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu mas kawin-mas kahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.”

(Surah al-Nisa’ ayat 4)

“...dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta dan (memerdekakan) hamba sahaya”

(Surah al-Baqarah ayat 177)

Manakala melalui hadis nabi pula, dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

“Saling memberi hadiahlah kamu sekalian, agar kalian saling mencintai”

(HR. Bukhari dalam Al-Adab Al-Mufrud, no. 594 – Hadis ini dihasankan oleh Syaikh Al-Albani)

Definisi Hibah Mengikut Hukum Syarak

Hibah mengikut hukum syarak merupakan suatu pemberian hak milik sesuatu harta kepada seseorang tanpa perlu menukar ganti dengan harta atau benda yang lain, atau dengan wang pada kadar nilai yang tertentu yang dibuat semasa pemberi hibah masih hidup dan dilakukan secara sukarela. Sabda Rasulullah SAW dalam satu hadis yang bermaksud;

“Bertukar-tukarlah hadiah nescaya kamu akan saling berkasih-sayang.”

Riwayat Malik dalam al-Muwatta’ secara mursal (2/908)

Manakala menurut istilah syarak pula, hibah bermaksud suatu akad pemberian (*al-atiyyah*) atau pemindahan hak milik ain sesuatu harta kepada seseorang tanpa apa-apa balasan (*i’wad*) semasa pemberi milik itu masih hidup, dan ia dilakukan secara sukarela dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul. Dalam *Kitab I’aanah al-Talibin* (1995) telah menjelaskan bahawa hibah ialah memberi milik sesuatu barang kepada seseorang yang lain, yang mana barang itu adalah sah untuk dijual beli, atau diberi hutang oleh ahli yang tabarru’ (orang yang suka membuat amal kebajikan) tanpa adanya sebarang balasan imbalan, atau tukaran. Manakala di dalam

Kitab Mughni al-Muhtaj (2014) pula menyatakan bahawa hibah ialah suatu pemberian milik sesuatu benda tanpa ada timbal balas atau tukaran sewaktu seseorang masih hidup dan ianya dilakukan secara sukarela.

Aplikasi Hibah Di Malaysia

Amalan hibah atau pemberian secara tidak langsung telah lama dipraktikkan oleh masyarakat Islam di Malaysia kerana terdapat banyak kes hibah yang berlaku tanpa disedari oleh pihak-pihak yang terlibat bahawa mereka telah memenuhi rukun-rukun hibah. Walaupun amalan ini tidak dilakukan secara bersistem dan formal sebagaimana pada zaman kini, namun terdapat bukti yang menunjukkan bahawa amalan hibah ini telah bermula seawal tahun 1900-an Nor Muhammad (2009).

Rukun-Rukun Hibah

Berdasarkan penerangan di atas, adalah amat penting untuk rukun-rukun hibah diperkenalkan dan diperluaskan agar masyarakat dapat dapat memahami dan menggunakan instrumen/kaedah hibah. Bagi memastikan hibah dapat dilaksanakan mengikut undang-undang Islam, maka kontrak atau perjanjian hibah juga perlu memenuhi rukun dan syarat yang telah ditetapkan. Jumhur fuqaha telah menetapkan bahawa rukun hibah ialah:

- i. *al-Wahib* (pemberi hibah)
- ii. *al-Mauhub lahu* (penerima hibah)
- iii. *al-Mauhub* (barang yang dihibahkan)
- iv. Sighah ijab dan qabul (lafaz pemberian dan penerimaan)

Seperti yang dinyatakan dalam kes *Serimah Abd Rahim Lwn. Muhammad Hakimi Marzuki* [2001] 3 LNS 3,

"Untuk menjadikan hibah itu sah menurut Hukum Syarak ianya hendaklah memenuhi rukun-rukun hibah iaitu sebagaimana yang terdapat di dalam kitab Mughni al-Muhtaj, oleh al-Syarbini, jilid 2, muka surat 538 yang bererti:

"Rukun hibah itu ada tiga perkara iaitu:

- (a) pihak-pihak yang melakukan hibah itu iaitu pemberi dan penerima hibah;
- (b) aqad hibah atau ijab dan *qabul*; dan
- (c) adanya barang yang boleh di hibah".

Dalam *Mughni al-Muhtaj* (1994) ada menyebutkan:

"Dan syarat hibah itu untuk melaksanakannya, ialah dua orang yang berakad, diqiyaskan kepada hukum jualbeli, ini ialah rukun pertama. Dan bagi kedua-duanya ada beberapa syarat. Maka disyaratkan bagi Penghibah hendaklah memiliki, dan mampu melakukan tasarruf secara mutlak terhadap hartanya. Justeru tidak sah hibah dari wali harta terhadap harta orang yang dijaganya (yang tertegah menguruskan hartanya sendiri) dan tidak sah hibah dari hamba mukatab (yang mempunyai kontrak kerja hamba) tanpa izin tuannya, dan disyaratkan bagi penerima hibah hendaklah memiliki kelayakan memiliki barang yang dihibahkan seperti bersifat mukallaf dan sebagainya, dan akan dijelaskan bahawa orang yang bukan mukallaf hendaklah menerima hibah oleh walinya, dan tidak sah hibah kepada kandungan dalam rahim, dan tidak sah kepada binatang dan hamba sendiri, Jika diumumkan hibah kepada hamba itu,

maka ia menjadi milik tuannya, dan disyaratkan ijab dan qabul secara berlafaz daripada orang yang boleh bercakap secara berturut-turut seperti kebiasaan yang diamalkan, sepertimana diqiyaskan dalam hukum jual beli, dan ini adalah rukun yang kedua.

Pemberi Hibah (*al-Wahib*)

Rukun hibah yang pertama adalah pemberi hibah. Pemberi hibah mestilah orang yang berkeahlian untuk melakukan tabarru' oleh itu disyaratkan orang yang hendak memberi hibah mestilah orang yang memiliki barang yang diberi, jikalau benar ia pemilik yang sah, dia berhak memberi. Pemberi adalah disyaratkan 'berkeahlian' untuk memberi iaitu seorang yang berakal, baligh, merdeka, pemilik sebenar harta hibah, tidak dipaksa, tidak ditahan hartanya kerana safih (tidak berkapasiti mentadbir harta) dan/atau berhutang serta tidak dalam keadaan marad al-mawt (sakit yang membawa maut dan tiada harapan sembuh). Seorang bapa atau wali juga tidak boleh menghibahkan harta milik anaknya yang belum baligh kepada orang lain Muhammad (2011). Sekiranya syarat yang ditetapkan ini tidak dipenuhi maka hibah itu tidak sah. Antara syarat-syarat ke atas pemberi hibah (*al wahib*) ialah:

- i. dia adalah pemilik kepada mauhub (barang yang dihibahkan olehnya);
- ii. dia mestilah layak untuk membuat hibah; dan
- iii. dia mempunyai kuasa penuh untuk menggunakan hartanya.

Oleh sebab pemberi hibah adalah pemilik harta, maka dia mempunyai kuasa penuh ke atas hartanya untuk melaksanakan hibah tanpa had kadar serta kepada sesiapa yang disukainya termasuk kepada orang bukan Islam selagi mana niat dan maksudnya tidak melanggar hukum syarak.

Penerima Hibah (*al-Mauhub lahu*)

Rukun hibah yang kedua adalah penerima hibah yang boleh terdiri daripada sesiapa sahaja yang berkeahlian dalam memiliki harta yang diberi hibah kepadanya sama ada mukallaf atau bukan mukallaf. Sekiranya penerima hibah bukan mukallaf seperti masih belum akil baligh atau kurang upaya, hibah tersebut boleh diberikan kepada walinya atau pemegang amanah bagi pihaknya. Wali dan pemegang amanah penerima hibah tadi mestilah berkapasiti untuk memiliki atau menerima hibah dan mampu melakukan qabul dan/atau *qabd*. Penerima hibah mestilah menerima harta yang dihibahkan dan berkuasa memegangnya. Dengan erti kata lain, penguasaan dan kawalan terhadap harta mestilah diberikan kepada penerima hibah.

Barang atau Harta Yang Dihibah (*al-Mauhub*)

Rukun hibah yang ketiga adalah barang yang dihibah iaitu segala barang yang dimiliki. Ia hendaklah menjadi milik pemberi hibah secara sempurna iaitu tidak bercampur dengan milik orang lain atau tiada perkongsian dengan orang lain serta barang itu merupakan barang yang bermanfaat dan di akui oleh syarak. Para fuqaha' telah menetapkan bahawa barang atau harta yang hendak dihibahkan perlu memenuhi syarat-syarat yang berikut:

- i. Barang atau harta tersebut mestilah halal
- ii. Mempunyai nilai di sisi syarak
- iii. Milik sah pemberi hibah
- iv. Boleh diserahkan milik

- v. Barang atau harta tersebut juga mestilah wujud ketika hibah dilakukan. Contohnya, tidak sah hibah barang yang belum ada seperti keuntungan pada masa hadapan daripada pelaburan, atau rumah yang dalam pembinaan dan sebagainya; dan
- vi. Harta itu tidak bersambung dengan harta pemberi hibah yang tidak boleh dipisahkan seperti pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah. Mengikut mazhab Syafie, Maliki dan Hanbali, hibah terhadap harta yang berkongsi yang tidak boleh dibahagikan adalah sah hukumnya. Dalam Islam, barang yang masih bercagar (seperti rumah) boleh dihibahkan jika mendapat keizinan dari penggadai atau peminjam.

Merujuk kepada kes Kamsiah Yusof Lwn. Latifah Yusof & Yang Lain [2009] 3 LNS 3, Mahkamah menyatakan seperti berikut:

“Rukun yang ketiga ialah barang yang dihibah, iaitu segala barang yang dimiliki. Mengenai rukun ketiga ini yang berkaitan dengan *Mauhub* (harta atau barang yang dihibah), ianya hendaklah menjadi milik penghibah secara sempurna iaitu tidak bercampur dengan milik orang lain atau tiada perkongsian dengan orang lain serta barang itu merupakan barang yang bermanfaat dan diakui oleh Syarak. Di dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* ada menjelaskan tentang syarat milikan sempurna ini;

"Ada harta yang hendak dihibahkan itu dengan syarat harta itu hendaklah menjadi milikan sempurna penghibah iaitu tidak boleh bercampur milikan itu dengan orang lain dan harta itu merupakan harta yang bermanfaat serta diakui oleh syarak. Dengan demikian sekiranya harta yang dihibahkan itu tidak wujud, atau harta tersebut masih di dalam khayalan, atau harta yang dihibahkan itu merupakan benda yang sifat dan zatnya diharamkan oleh syarak, maka hibah tersebut adalah tidak sah."

Disyaratkan juga kepada orang yang memberi hibah itu mempunyai milikan yang penuh terhadap harta yang dihibahkannya. Perkara ini telah dinyatakan di dalam *Kitab al-Iqna'* (t.th) yang bermaksud:

Maka disyaratkan kepada orang yang memberi hibah itu mestilah memiliki harta tersebut, dan mempunyai pegangan yang mutlak terhadap hartanya, maka tidak sah memberi harta yang hilang.

Berkaitan dengan penguasaan ke atas harta oleh penghibah dan penerima hibah ini, telah dijelaskan di dalam *Kitab al-Iqna'* (t.th) yang menjelaskan yang bermaksud:

"dan tidak dikatakan atau tidak memiliki hibah secara jelas, tanpa ada tanggungan hutang dan hanya zat ganjaran sahaja, seperti hadiah dan sedekah, kecuali dengan pegangan (penguasaan padanya), maka tidak dimiliki hibah itu dengan akad sahaja. Al-Sharbini (1994) telah menghujahkan 'melainkan dengan pegangan' itu dengan maksud penguasaan atau pegangan ke atas sesuatu barang oleh pemberi atau penerima barang itu. Sekiranya barang itu bukan dalam penguasaan pemberi hibah, maka tidak sah hibah itu. Sebaliknya jika, hibah telah dibuat, tetapi penerima hibah tidak mampu untuk menguasai harta atau barang itu disebabkan oleh halangan tertentu, maka tidak sah juga hibah tersebut."

Memetik penghakiman satu kes Rayuan di dalam kes Ibrahim Yusuff Lwn Eshah Hj Ishak Dan 4 Yang Lain (2006) JH XXI/II, 158-177,

“Panel Rayuan Mahkamah rayuan Syariah Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh YAA KHS yang memetiknyanya dari kitab al-Yakut al Nafis Fi Mazhab Ibni Idris menyatakan barang yang dihibah itu mengandungi lima syarat, iaitu, ianya diketahui, ianya suci, ianya boleh digunakan, ianya boleh diserahkan dan dalam milikan pemberi hibah. Empat daripada lima syarat tersebut adalah jelas dan tidak dipertikaikan di dalam kes ini. Bagaimanapun syarat yang kelima adalah diragui kerana tidak ada keterangan ditimbulkan sepanjang prosiding kes ini berjalan, iaitu ianya mestilah dalam milikan pemberi hibah. Apa yang meragukan Mahkamah ialah, harta-harta yang dihibahkan tersebut adalah terdiri dari harta-harta Felda, iaitu rumah dan tapak rumah, dan dua keping tanah kebun. Sepertimana yang dimaklumi, harta-harta yang diperolehi melalui tanah rancangan adalah harta yang tidak dimiliki secara sempurna, ianya terikat dengan peraturan-peraturan tertentu sehinggalah harta itu diberi milik oleh Felda selepas proses tertentu, misalnya bayaran balik dan sebagainya. Tidak ada keterangan bila harta tersebut dimiliki oleh pemberi hibah. Sama ada ianya dihibahkan selepas atau sebelum harta tersebut diperolehi secara sah dari pihak Felda. Lafaz yang dibuat oleh pemberi hibah itu juga tidak dinyatakan dengan jelas bila masa ianya dibuat, kecuali keterangan ada menyebut ianya dilafazkan semasa kenduri, tetapi tidak dipastikan bila. Dan tidak pula dijelaskan sama ada semasa tanah itu telah diberi hak milik atau sedbelum diberi hakmilik oleh Felda kepada Arwah Yusof bin Hassan. Sedangkan ini adalah fakta terpenting untuk menentukan bahawa sesuatu hibah itu sah atau sebaliknya, iaitu pemilikan pemberi hibah.”

Di dalam kes Sabedah bt Abdullah lwn 3 Yang lain, MTS Kes Mal No. 05100-044-0082-2007, Mahkamah telah menolak satu dari tanah-tanah yang didakwa oleh Plaintiff telah dihibahkan oleh arwah orang tuanya, iaitu sekeping tanah di bawah pegangan GM 2877 Lot 7809 Mukim Gemencheh, Daerah Tampin Negeri Sembilan, Mahkamah menolak tuntutan hibah Plaintiff bahawa hartanah atas nama Sabedah binti Abdullah dan Zainal bin Abdullah, sebagai pentadbir sebanyak 1/1 bahagian kerana harta tersebut bukan di bawah milikan sempurna si mati Gedek binti Durin sewaktu hibah tersebut dibuat dan masih di bawah milikan RISDA.

Sighah (Ijab Dan Kabul)

Rukun hibah yang keempat ialah Sighah iaitu ijab dan kabul. Sighah hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Lafaz *sighah* hibah terbahagi kepada lafaz *sorih* (lafaz yang jelas menunjukkan maksud memberi hibah) dan kinayah (kiasan dan tidak jelas). Oleh itu, lafaz kinayah ditentukan oleh niat pemberi hibah dan adat masyarakat setempat sama ada mahu memberi hibah atau sekadar memberi pinjam (*'ariyah*). Ijab dalam konteks hibah merupakan pernyataan awal yang dikeluarkan oleh salah seorang daripada dua pihak yang membuat kontrak dan membuka ruang pilihan (*khiyar al-qabul*) sama ada untuk menerima atau sebaliknya. Persetujuan penerimaan tersebut dikenali sebagai *qabul*. Rukun ijab disepakati oleh fuqaha' akan keperluannya dalam pembentukan akad hibah. Ijab menjadi perkara utama yang perlu diperhalusi untuk mensabitkan kewujudan dan kesahan hukum Ketiadaan ijab akan memberi implikasi kepada hibah tersebut. Dalam kes Saharain Bin Nordin Lwn Noridah Binti Nordin 1 JH (2008) 73, YA Hakim sepatutnya meneliti keterangan pihak-pihak dan saksi-saksi bagi melihat lafaz ijab dibuat dan menentukan status lafaz tersebut.

Dalam kes Norani Abd Rahman V. Md Taib Hanapi [2003] 1 LNS 377, Mahkamah mengatakan:

Bagi memastikan akad hibah menjadi sempurna dan menjadi satu aqad yang mengikat, maka penerimaan oleh penerima hibah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. *mendapat kebenaran dan keizinan daripada pemberi hibah secara sorih;*
- ii. *harta yang dihibah itu tidak bercampur dengan harta lain; dan*
- iii. *penerima hibah berkeahlian iaitu baligh dan berakal. Bagi kanak-kanak dan orang gila; penerimaan harta hibah boleh dilakukan oleh walinya.*

Perlu diingatkan bahawa cara penerimaan barang hibah adalah berbeza-beza mengikut jenis harta, ada harta alih dan ada harta tak alih. Sebagai contoh, bagi harta alih, penerimaan barang hibah boleh berlaku dengan mengambil barang itu, memindah atau mengasingkan hartatertesebut dari harta-harta lain. Bagi harta tak alih, penerimaan boleh berlaku dengan cara mengosongkan harta tersebut, menguasai dan melakukan tasarruf terhadap harta tersebut dan seumpamanya.”

Oleh itu, adalah suatu kepentingan dan kewajipan agar suatu akad pemberian dan penerimaan terhadap sesuatu hibah atau pemberian dilafazkan dengan jelas bagi memenuhi rukun hibah yang ketiga ini.

Elemen *Qabd* (Pemilikan) dalam Hibah

Menurut jumhur ulamak termasuklah dalam Mazhab Syafi’i, selain daripada 4 rukun hibah di atas, terdapat satu syarat utama yang merupakan syarat luzum (iaitu syarat pelaksanaan) bagi hibah yang dinamakan sebagai *al-Qabd* atau ‘berlakunya penyerahterimaan’. *Qabd* merujuk kepada keizinan atau kebenaran yang diberikan oleh pemberi hibah dengan melakukan penyerahan *al-mauhub* kepada penerima menerusi takhliah iaitu pengosongan, peninggalan atau pelepasan hak. Penerimaan *qabd* ini boleh berlaku sama ada pada ketika *sighah* ijab dan Kabul dilafazkan atau selepasnya. Keperluan kepada *al-qabd* ini ada dinyatakan dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* oleh al-Syarbini (1994) menyatakan:

“Tidak berpindah milik harta yang dihibah melainkan dengan penyerahterimaan, maka harta yang dihibah itu tidak dimiliki dengan akad semata-mata berdasarkan hadith daripada al-Hakim dalam Sahihnya: (Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW telah menghadihkan kepada al-Najashi 30 auqiyyah (unit sukatan) minyak kasturi, kemudian Baginda berkata kepada Ummu Salamah (isteri Baginda): Sesungguhnya aku bermimpi al-Najashi telah meninggal dunia dan aku tidak melihat hadiah yang kuberikan kepadanya melainkan ia dipulangkan semula. Maka sekiranya hadiah itu dipulangkan semula kepada ku, maka ia akan menjadi milik kamu, lalau benarlah terjadi sedemikian).. Dan hendaklah penyerahterimaan itu dibuat dengan izin pemberi hibah untuk menerimanya jika ia belum diserahkan oleh pemberi hibah, tidak kira sama ada barang itu telah berada di tangan penerima hibah atau tidak, maka jika ia menerima tanpa izin penghibah, atau tanpa penyerahan (oleh penghibah) tidaklah ia menjadi milik penerima hibah.”

Seterusnya dinyatakan dalam kitab *Mughni al-Muhtaj* oleh al-Syarbini (1994) menyebut:

“Maka sekiranya mati salah seorang mereka yakni penghibah atau penerima hibah di antara masa hibah dilafazkan dan masa penyerahterimaan (al-qabd), tidaklah terbatal akad hibah,

bahkan warisnya berhak menggantikannya, yakni waris penghibah (menggantikannya) dalam menyerah sampaikan (harta yang dihibah) dan memberi izin bagi penerimaannya manakala waris penerima hibah (menggantikannya) dalam menerima (harta yang dihibah).

Syarat *Qabd* Hibah: Sama Ada Penyerahterimaan *Qabd*) Harta yang Dihibah Telah Berlaku Dengan Sempurna

Al-Qabd bermaksud mendapat sesuatu, menguasainya dan boleh melakukan tasarruf. *Al-qabd* terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

- i. *al-qabd* dengan kebenaran syarak semata-mata tanpa kebenaran pemiliknya, contohnya penerima zakat;
- ii. *al-qabd* dengan kebenaran dan keizinan pemiliknya sepertimana berlaku dalam hibah; dan
- iii. *al-qabd* tanpa kebenaran syarak dan pemiliknya, iaitu harta milik orang lain.

Menurut Mazhab al-Syafi'i, *al-qabd* merupakan syarat luzum (kemestian), ertinya akad hibah tidak sempurna dan tidak akan berkuatkuasa dengan ijab dan qabul, kecuali selepas *al-qabd*. Sekiranya *al-qabd* tidak berlaku maka akad hibah merupakan akad yang tidak mengikat. Pemberi hibah berhak menarik balik hibah tersebut selama mana harta tersebut berada dalam milikannya. Secara ringkasnya, bagi memastikan akad hibah itu sempurna dan menjadi satu akad yang mengikat, maka *al-qabd* tertakluk kepada syarat-syarat seperti mendapat kebenaran dan keizinan pemberi hibah secara *sorih*, harta yang dihibah tidak bercampur dengan harta lain dan penerima hibah berkeahlian.

Hibah dari Sudut Perundangan di Malaysia

Pelaksanaan hibah di Malaysia adalah mengikut undang-undang Islam yang tertakluk di bawah kuasa Mahkamah Syariah. Namun begitu, tiada peruntukan khusus berkenaan undang-undang hibah yang dikanunkan. Ini bermakna Dewan Perundangan Negeri dan Parlimen (bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan) tidak pernah meluluskan statut khusus mengenai hibah orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah-Mahkamah Syariah. Peruntukan yang ada hanyalah peruntukan yang menjelaskan tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah berkenaan hibah atau pemberian termasuk dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Muda (2008):

“Kecuali mengenai wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat...”

Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan sebagaimana berikut:

“Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, nafkah, pengambilan anak angkat, kesahatarafan, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang

amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, institusi, amanah dan institusi khairat yang dijalankan semuanya sekali dalam negeri, adapt istiadat Melayu, zakat, fitrah, baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya, masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut ugama terhadap rukun-rukun Islam, kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, penyusunan, dan acara bagi Mahkamah-mahkamah Syariah yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan, mengawal perkembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut ugama Islam; menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu”

Jadual Kesembilan, Senarai 1, Senarai Persekutuan, telah menjelaskan lagi kedudukan Mahkamah Syariah dalam hal ini. Para 4(e) memperuntukkan:

4. ... (e) Tertakluk kepada perenggan (ii), perkara-perkara yang berikut: (i) ... pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat; probet dan surat mentadbir pusaka; ... (ii) Perkara-perkara yang termasuk dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berhubung dengan ... pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat.

Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukkan mengenai kuasa kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang yang berkaitan dengan perkara-perkara yang telah disenaraikan di dalam Jadual Kesembilan tersebut.

Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan:

“Mahkamah-mahkamah yang disebutkan dalam Fasal (1) tidaklah boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah”

Seksyen 11 (3)(b)(vi) Enakmen Mahkamah Syariah (Sabah) 2004

Seksyen 11. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah. (3) Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah:

(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubung dengan

(vi) alang semasa hidup (hibbah), atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang oleh seseorang orang Islam;

Namun, peruntukan ini bukanlah peruntukan undang-undang substantif untuk mengenal pasti fakta isu bagi kes hibah tetapi peruntukan berkaitan bidang kuasa mal Mahkamah Tinggi Syariah. Bererti tiada peruntukan atau undang-undang atau takrif yang eksklusif mendefinisikan hibah secara statut. Oleh itu, jika wujud lakuna seperti ini, hukum syarak akan menjadi rujukan muktamad.

Berdasarkan peruntukan, adalah jelas bahawa Perlembagaan Persekutuan Malaysia telah memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mendengar dan seharusnya satu akta khusus untuk pelaksanaan hibah digubal agar masyarakat Islam dan bukan Islam dapat menikmati hidup bersama secara harmoni atas kebijaksanaan dan ketelitian Allah SWT dalam setiap penetapan hukum-hakam dari-Nya.

Kajian Kes Terkini di Mahkamah Rayuan Syariah Kota Kinabalu

Dalam bahagian ini, penulis merujuk kepada satu kes rayuan Tuntutan Pengesahan Hibah bernombor 12000-044-0002-2022 (tidak dilaporkan di dalam mana-mana jurnal) yang dikendalikan oleh penulis sendiri untuk menunjukkan pendekatan yang diambil oleh Mahkamah Syariah dan bagaimana rukun-rukun hibah berfungsi. Mahkamah Rayuan Syariah Kota Kinabalu telah membincangkan dan memutuskan suatu pengesahan hibah dengan merujuk kepada rukun-rukun hibah. Perayu di dalam kes ini ialah anak lelaki kepada si mati dan ibu Perayu adalah isteri kedua kepada si mati. Responden adalah cucu lelaki kepada si mati daripada anak lelaki si mati hasil perkahwinan si mati dengan isteri pertamanya.

Mahkamah Rayuan Syariah Kota Kinabalu dalam keputusannya telah mengulas keputusan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Sandakan dengan menarik isu bahawa hibah tidak berlaku kepada Perayu dan Responden. Hibah ke atas Perayu ditolak atas sebab Memorandum Pindah Milik (*Memorandum of Transfer*) yang dilampirkan oleh Perayu adalah tidak selamat untuk diterima kerana tidak ada saksi untuk menyokong Memorandum Pindah Milik tersebut manakala hibah ke atas Responden pula ditolak kerana Responden gagal membuktikan lafaz akad hibah tersebut dan saksi-saksi yang dikemukakan adalah diragui.

Berdasarkan fakta-fakta dalam kes tersebut adalah sangat penting untuk mengetahui dan memahami apa itu hibah dan rukun-rukun hibah sebelum pelaksanaan hibah dibuat bagi mengelakkan pertikaian dalam kalangan waris dan proses perundangan yang melibatkan masa yang panjang dan kos tindakan di Mahkamah.

Pihak-Pihak yang Digalakkan Memberi dan Menerima Hibah

Seperti mana yang telah dijelaskan berkenaan rukun-rukun hibah dan kadar harta yang boleh dihibahkan, suatu perincian tentang pemberi hibah dan penerima hibah perlu diteliti kerana terdapat beberapa situasi yang mana pemberi hibah sangat digalakkan untuk membuat hibah dan terdapat juga beberapa situasi pemberi hibah yang memerlukan hibah. Hibah boleh diberikan kepada semua golongan termasuklah yang bukan mukallaf seperti kanak-kanak, orang tak sempurna akal dan OKU (Orang Kurang Upaya) dengan penjaga atau pemegang amanah yang dilantik bagi pihak mereka. Terdapat ramai golongan yang sangat digalakkan untuk memberikan dan memerlukan hibah. Antaranya ialah:

- i. Pasangan yang tidak mempunyai anak
- ii. Pasangan yang mempunyai anak perempuan sahaja
- iii. Pasangan yang mempunyai anak angkat
- iv. Pasangan yang berpoligami
- v. Pasangan yang mempunyai anak lelaki dan perempuan yang berhasrat membahagikan hartanya secara sama rata
- vi. Golongan muallaf

Menurut sistem faraid, jika seorang suami meninggal dunia dan hanya meninggalkan pasangannya tanpa anak, isteri berhak menerima 1/4 daripada harta pusaka suami. Baki 3/4

harta suami akan diberikan kepada waris-waris yang lain. Sekiranya si isteri hanya seorang suri rumah tangga, suami boleh memberikan bahagian yang lebih besar untuk si isteri meneruskan kehidupan setelah kematian si suami.

Bagi pasangan yang mempunyai anak perempuan sahaja, pembahagian faraid mengkehendaki adanya *asabah* dalam nisbah pembahagian. *Asabah* adalah lebih mengutamakan bahagian lelaki dan keturunannya. Sebagai contoh, sekiranya bapa meninggal dunia, *asabah* akan menjadi datuk, bapa saudara, anak saudara lelaki dan sebagainya. Tetapi sekiranya tiada waris lelaki langsung dalam keluarga itu, hak *asabah* akan diberikan kepada Baitulmal. Adakalanya, nilai *asabah* akan lebih besar dan adakalanya nilainya adalah kecil kerana tiada nisbah tetap yang akan diberikan kepada *asabah*. *Asabah* berhak menerima lebih harta faraid setelah ditolak bahagian waris-waris yang berhak menerima mengikut nisbah yang ditetapkan. Masalah yang seringkali timbul apabila anak-anak perempuan ini masih kecil dan isteri lebih memerlukan wang untuk membesarkan anak-anak.

Selain itu, hibah juga melindungi kebajikan anak angkat memandangkan anak angkat tidak mempunyai hak dalam sistem faraid. Keluarga angkat kepada anak angkat tersebut boleh menghibahkan harta mereka kepada anak angkat itu atas dasar kasih sayang tanpa perlu mendapat persetujuan waris lain. Pengangkatan sememangnya tidak memberikan hak kepada anak angkat untuk mewarisi harta peninggalan keluarga angkatnya. Begitu juga ibu bapa angkat atau keluarga angkat tidak berhak untuk mewarisi harta anak angkat Kambol (2019). Walau bagaimanapun anak angkat boleh memperoleh harta dari keluarga angkatnya menerusi instrumen hibah. Dalam kes Zamani Mohd Noor Iwn Awang Merah dan 1 yang lain (2008) JH 26 (2), menurut fakta kes perayu adalah merupakan anak saudara dan anak angkat kepada arwah Che Limah Awang Mat. Harta yang menjadi pertikaian ialah merupakan sebidang tanah rancangan yang telah diusahakan oleh bapa kandung perayu, Mohd Noor Merah. Harta ini telah diserahkan kepada Che Limah yang kemudiannya telah mengusahakannya dan berjaya memilikinya yang kemudiannya telah diberi kepada perayu sebelum Che Limah meninggal dunia. Mahkamah Kadhi Khas, Tanah Merah Kelantan tidak mensabitkan lot-lot tanah berkenaan sebagai pemberian hidup kepada perayu. Walau bagaimanapun keputusan kemudian ini telah diakas oleh Mahkamah Rayuan yang telah mensabitkan tuntutan perayu ke atas tanah tersebut.

Pasangan kepada suami yang berpoligami juga memerlukan hibah kerana seringkali terjadi apabila seorang suami yang berpoligami telah meninggal dunia, isteri-isteri dan anak-anak Pasangan kepada suami yang berpoligami juga memerlukan hibah kerana seringkali terjadi apabila seorang suami yang berpoligami telah meninggal dunia, isteri-isteri dan anak-anak daripada isteri-isteri yang berbeza bertelingkah tentang urusan pewarisan sehingga menimbulkan fitnah dan aib dalam kalangan ahli keluarga. Ada kalanya, ada isteri yang memerlukan bahagian harta yang lebih besar untuk meneruskan kehidupan tetapi terhalang disebabkan isteri yang lain mempunyai anak lelaki atau isu-isu lain yang berbangkit dalam kalangan mereka.

Seterusnya, pasangan yang mempunyai anak lelaki dan anak perempuan yang berhasrat untuk membahagikan hartanya secara sama rata juga adalah sangat digalakkan bagi menjaga kebajikan dan keharmonian sesama adik-beradik. Sebagai contoh, satu (1) orang anak lelaki dan satu (1) orang anak perempuan dihibahkan oleh bapa mereka sebuah rumah pada kadar yang sama iaitu $\frac{1}{2}$ bahagian untuk anak lelaki dan $\frac{1}{2}$ bahagian untuk anak perempuan. Hukum

faraid tidak akan terpakai ke atas rumah tersebut sekiranya hibah ke atas rumah tersebut telah dibuat sebelum bapa mereka meninggal dunia.

Selain itu, golongan muallaf juga adalah golongan yang sangat digalakkan untuk menggunakan instrumen hibah kerana apabila seorang individu memeluk agama Islam, waris-warisnya yang bukan beragama Islam tidak boleh mewarisi harta individu muallaf tersebut melalui sistem faraid. Oleh itu, Islam telah memberikan garis panduan bagi menjaga silaturrahim dan keharmonian hubungan individu muallaf dengan ahli keluarganya yang bukan beragama Islam dengan adanya hibah sebagai salah satu cara untuk menguruskan harta. Individu muallaf tersebut boleh memberikan apa-apa hartanya kepada mana-mana warisnya yang bukan beragama Islam yang dikehendaki tanpa ada had kadar pembahagian. Hibah dalam situasi ini tidak boleh dicabar oleh mana-mana pihak di mana-mana Mahkamah berkompeten di Malaysia sekiranya pemberian memenuhi rukun-rukun hibah meskipun penerima bukan beragama Islam.

Berdasarkan penerangan di atas, adalah jelas bahawa walaupun hibah boleh diberikan kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki oleh pemberi hibah, namun jika dilihat dari sudut perancangan harta secara terancang maka wajar mengambil kira status penerima hibah dari segi ekonomi atau sosial. Dengan ini, pemberi hibah berhak menentukan sendiri kepada siapa hartanya hendak dihibahkan dan berapa kadar yang sesuai untuk dihibahkan dengan mengambil kira status ekonomi dan keperluan semasa penerima hibah. Faktor tanggungjawab, peranan dan sumbangan juga boleh diberikan pertimbangan dalam menentukan penerima hibah dan kadar atau bahagian harta yang hendak dihibahkan Kambol (2009).

Kelebihan Pengurusan Harta Melalui Hibah

Setiap penetapan hukum-hakam dan peraturan di dalam Islam mempunyai fadhilat dan hikmahnya yang tersendiri. Pengurusan harta melalui hibah mempunyai banyak kelebihan. Antaranya, hibah dapat mengukuhkan silaturrahim dan hubungan kekeluargaan serta persahabatan. Ini kerana, seperti yang telah dijelaskan di dalam perenggan sebelum ini, hibah boleh diberikan kepada sesiapa saja tanpa had kadar pembahagian ditetapkan. Individu Muslim yang mempunyai sahabat rapat atau keluarga angkat yang beragama Islam dan bukan beragama Islam boleh menzahirkan kasih sayang dan penghargaan mereka melalui pemberian hibah semasa mereka masih hidup.

Kelebihan hibah yang seterusnya ialah harta yang dihibahkan akan dikeluarkan dari senarai harta pusaka si pemberi hibah apabila dia telah meninggal dunia. Penerima hibah akan menjadi pemilik dan penama mutlak ke atas harta atau barang yang telah dihibahkan kepadanya. Maka, pertikaian dalam kalangan waris terutama waris-waris yang sudah sekian lama tidak sehaluan dapat dielakkan memandangkan suatu hibah yang telah memenuhi rukun-rukun tidak boleh dicabar, dipertikai atau dituntut oleh mana-mana pihak di mana-mana Mahkamah yang berkompeten.

Selain itu, hibah juga boleh menjadi pengganti kepada sumber pendapatan. Selepas kematian seseorang ketua keluarga, pihak yang paling terkesan adalah waris-warisnya yang masih hidup terutama isteri dan anak-anak yang tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri kerana punca pendapatan mereka hilang dalam sekelip mata. Lebih parah lagi sekiranya ketua keluarga tersebut meninggalkan beban hutang kepada waris-warisnya. Justeru melalui hibah, wang pampasan yang diterima sekurang-kurangnya dapat berfungsi sebagai pengganti kepada sumber pendapatan untuk melangsaikan segala hutang si mati dan membiayai kos sara hidup bulanan serta kos pendidikan waris-waris yang tidak mempunyai sumber pendapatan sendiri

untuk tempoh yang munasabah sementara waris-waris yang ditinggalkan dapat memulihkan dan mengukuhkan emosi, mental dan kewangan mereka.

Dengan kelebihan-kelebihan yang disebutkan di atas, adalah suatu kemaslahatan yang besar buat seluruh umat manusia khususnya umat Islam yang akan menjadi lebih berkompeten dan berkehadapan dari sudut ekonomi, pendidikan dan sosial sekiranya amalan dan pelaksanaan hibah dapat dilakukan dengan lebih luas, terurus dan sistematik. Maka, untuk merealisasikan penulis menyeru agar golongan cendekiawan dan badan-badan yang berotoriti agar bersatu dan memfokuskan tenaga, kuasa dan pengaruh mereka dalam merangka dan menggubal suatu akta khusus untuk pelaksanaan hibah di negara ini.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan selama 1 minggu dengan menggunakan Kaedah Kualitatif dan Kuantitatif (Kaedah Campuran). Penulis menggunakan Kaedah Pengumpulan Data, Kaedah Temubual dan Kaedah Soal Selidik. Dalam usaha mengumpul data yang diperlukan, penulis menggabungkan beberapa kaedah dengan melakukan dua bentuk penyelidikan utama iaitu Kajian Perpustakaan dan Kajian Lapangan.

Kajian Perpustakaan

Penulis mengunjungi beberapa buah perpustakaan untuk mengumpul bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian ini. Antara perpustakaan yang dikunjungi oleh penulis untuk mendapatkan sumber rujukan data dan fakta ialah:

- i. Perpustakaan Negara
- ii. Perpustakaan Negeri Sabah cawangan Tanjung Aru
- iii. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS)
- iv. Perpustakaan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Kinabalu
- v. Perpustakaan Negeri Sabah cawangan Sandakan

Kajian Lapangan

Kajian lapangan banyak digunakan bagi melengkapi data perpustakaan selain membantu penulis untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang baru. Ini adalah kerana tidak semua maklumat boleh didapati di perpustakaan. Sehubungan dengan itu, penulis mengunjungi tempat kajian untuk membuat pengamatan secara langsung dengan lebih jelas mengenai objek penelitian. Ia bertujuan membuat penyelidikan secara langsung dengan mendatangi responden atau objek yang menjadi sasaran untuk dikaji serta dibuat rumusan dan kesimpulan yang diperlukan. Semasa menjalankan kajian ini, penulis memulakan proses kajian lapangan dengan beberapa prosedur, di antaranya:

- i. Memohon kebenaran secara lisan daripada responden untuk menjalankan kajian ini.
- ii. Mendapatkan bantuan penyebaran makluman kepada penduduk setempat daripada Masjid At-Takwa (berhampiran Taman Kenari), Masjid Al-Kahfi (dalam kawasan Taman Rimba) dan Masjid Al-Furqan (berhampiran Taman Grandview) berkenaan kajian ini.
- iii. Memohon anggaran jumlah penduduk beragama Islam di kawasan perumahan.

- iv. Penulis juga memohon bantuan AJK-AJK masjid untuk mengedarkan borang soal selidik.

Setelah semua permohonan diperolehi, penulis melantik seorang AJK masjid sebagai pembantu untuk mengedarkan borang soal selidik kepada responden. Penulis memberi penerangan ringkas mengenai tujuan soal selidik dijalankan. Selepas itu responden diminta mengembalikan soal selidik kepada AJK yang telah dilantik oleh penulis dan diserahkan kepada penulis untuk proses analisis.

Justeru kaedah-kaedah yang digunakan dalam kajian lapangan ini adalah seperti berikut:

i. Kaedah Temubual

Penulis telah menggunakan kaedah ini dengan memilih beberapa orang responden yang dirasakan mempunyai kelayakan yang secukupnya. Responden yang dipilih terdiri daripada Setiausaha, Penolong Setiausaha dan AJK-AJK bahagian Wakaf dan Harta, Kebajikan, Ekonomi, Pembangunan Keluarga dan bahagian Anak Yatim dan Ibu Tunggal. Selain itu juga, dengan AJK-AJK bahagian lain turut dilakukan untuk mendapat maklumat tambahan.

ii. Kaedah Soal Selidik

Penulis mengedarkan borang-borang soal selidik kepada responden dalam untuk mendapat maklum balas bagi menentukan latar belakang sampel, persoalan berkaitan dengan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap pengetahuan responden tentang hibah, kepentingan dan kesan pelaksanaan hibah. Soal selidik dalam kalangan responden dibahagikan kepada empat bahagian A, B dan C. Bahagian A menjelaskan tentang latar belakang responden. Di antaranya:

- a. Umur responden
- b. Status perkahwinan
- c. Tempat tinggal responden
- d. Bentuk pemilikan rumah
- e. Pendidikan tertinggi
- f. Pendapatan
- g. Bilangan adik-beradik
- h. Hubungan dengan keluarga

Bahagian B mengandungi 20 item yang berhubung dengan tahap pengetahuan responden tentang hibah. Di antaranya:

- a. Sering membaca buku atau artikel ilmiah secara atas talian di masa lapang.
- b. Sering mengikuti kelas pengajian agama secara fizikal mahupun secara atas talian.
- c. Sering mengadakan perbincangan santai berkaitan isu-isu perancangan dan pengurusan harta bersama ahli keluarga di rumah.
- d. Dapat memahami dan membezakan apa itu faraid, hibah, wasiat dan wakaf.
- e. Dapat menjelaskan konsep hibah kepada orang lain.
- f. Pernah mendapatkan khidmat nasihat guaman syarie berkenaan pengurusan harta.
- g. Sering meluangkan masa sekurang-kurangnya 2 jam sehari di media sosial seperti Whatsapp, Telegram, Facebook dan Twitter.
- h. Lebih gemar mengakses 'content' dengan topik bersifat pendidikan dan diskusi ilmiah berbandng topik santai di media sosial pada masa lapang.

- i. 'Follow' agamawan dan/atau golongan ilmuwan yang sering berkongsi tentang pengurusan harta melalui hibah di media sosial
- j. Dikelilingi oleh kawan-kawan/saudara-mara/rakan sekerja yang berpendidikan tinggi.
- k. Dikelilingi oleh kawan-kawan/ahli keluarga/saudara-mara yang berkerjaya profesional dan berpendapatan tinggi.
- l. Dikelilingi oleh kawan-kawan/saudara-mara/rakan sekerja yang bersikap positif tentang pengurusan harta.
- m. Mengetahui kewujudan hibah kepada ahli keluarga selepas kematian melalui takaful.
- n. Mempunyai polisi takaful hibah kepada ahli keluarga selepas kematian.
- o. Hubungan yang baik dengan keluarga (ibu bapa dan adik-beradik).
- p. Hubungan yang baik dengan majoriti ahli keluarga (selain ibu bapa dan adik-beradik).
- q. Keluarga bersikap terbuka dan positif dengan topik pengurusan harta.
- r. Keluarga mempunyai isu/masalah berkaitan pengurusan harta secara faraid.
- s. Merupakan seorang muallaf.
- t. Mempunyai ahli keluarga muallaf.

Soalan bahagian B berbentuk dichotomous, iaitu soalan yang memerlukan jawapan sama ada ya atau tidak, benar atau salah. Tujuan utama soalan ini adalah untuk mendapatkan data mengenai tahap dan faktor pengetahuan responden berkenaan hibah.

Manakala bahagian C pula merupakan bahagian soal selidik yang terakhir, ianya berbentuk *open ended* iaitu mendapatkan pendapat responden dengan menulis sendiri pandangannya. Responden boleh memilih untuk menjawab atau tidak menjawab bahagian ini. Item ini adalah sebagai bantuan untuk memperkukuhkan dapatan penulis dalam memberi cadangan dan saranan di bahagian akhir kajian ini.

Dapatan Kajian

Dalam bab ini penulis menyatakan hasil yang akan diperolehi daripada temubual dan soal selidik ke atas penduduk setempat daripada Masjid At-Takwa (berhampiran Taman Kenari), Masjid Al-Kahfi (dalam kawasan Taman Rimba) dan Masjid Al-Furqan (berhampiran Taman Grandview) berkenaan kajian ini. Tujuan temubual dan soal selidik tersebut dilakukan adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan masyarakat tentang hibah berdasarkan latar belakang dan faktor-faktor penentu lain di samping melengkapkan data Kajian Perpustakaan. Berikut adalah jadual-jadual yang menunjukkan dapatan penulis:

Latar Belakang 30 Orang Responden Daripada Setiap Lokasi Kajian

	Masjid At-Takwa	Masjid Al-Kahfi	Masjid Al-Furqan
Umur responden	Di antara 28-70 tahun	Di antara 28-70 tahun	Di antara 28-70 tahun
Status perkahwinan	Bujang: Berkahwin: Balu/Duda:	Bujang: Berkahwin: Balu/Duda:	Bujang: Berkahwin: Balu/Duda:
Tempat tinggal responden	Kesemua responden tinggal dengan jarak kurang 2 kilometer	Kesemua responden tinggal dengan jarak kurang 2 kilometer	Kesemua responden tinggal dengan jarak kurang 2 kilometer

	daripada lokasi kajian	daripada lokasi kajian	daripada lokasi kajian
Bentuk pemilikan rumah	Milikan: Sewa:	Milikan: Sewa:	Milikan: Sewa:
Pendidikan tertinggi	Sekolah rendah: Sekolah menengah: Kolej/universiti:	Sekolah rendah: Sekolah menengah: Kolej/universiti:	Sekolah rendah: Sekolah menengah: Kolej/universiti:
Pendapatan	Bekerja: Tidak bekerja: Bersara:	Bekerja: Tidak bekerja: Bersara:	Bekerja: Tidak bekerja: Bersara:
Bilangan adik-beradik	Kurang daripada 3 orang: Lebih daripada 3 orang:	Kurang daripada 3 orang: Lebih daripada 3 orang:	Kurang daripada 3 orang: Lebih daripada 3 orang:

Peratusan Jawapan Ya/Tidak Berdasarkan Dapatan Kajian Melalui Borang Soal Selidik di Bahagian B

Masjid At-Takwa	Masjid Al-Kahfi	Masjid Al-Furqan
Ya:	Ya:	Ya:
Tidak:	Tidak:	Tidak:

Bagi dapatan di bahagian C borang soal selidik, 98% daripada keseluruhan jumlah responden bersetuju dengan keperluan untuk undang-undang berkenaan pelaksanaan hibah digubal agar pelaksanaan hibah dapat dibuat secara menyeluruh dengan lebih teratur dan sistematik.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, hibah adalah suatu kaedah pengurusan harta semasa hayat pemilik harta yang paling kompetitif dan paling istimewa kerana keupayaannya menyelesaikan banyak isu-isu berbangkit yang tidak dapat diselesaikan oleh instrumen pengurusan harta yang lain. Keistimewaan-keistimewaan yang ada pada pengurusan harta menerusi hibah menjadikan hibah sebagai satu kaedah pengurusan harta yang semakin mendapat tempat di hati individu-individu Muslim yang mempunyai lebih harta. Maka tidak hairanlah, ramai orang Islam kebelakangan ini memfailkan kes Tuntutan Pengesahan Hibah malah ramai agen-agen takaful yang menawarkan pakej takaful yang berkonsepkan hibah. Walaubagaimanapun instrumen ini perlu dimantapkan lagi pelaksanaannya dengan sokongan kerangka undang-undang dan bidangkuasa yang lebih jelas dan berfokus.

Penghargaan

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpahan rahmat dan limpah rahmat dari-Nya, saya dapat menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Sekalung penghargaan ingin saya ucapkan kepada penyelia-penyelia saya, Dr. Saifulazry Mokhtar dan Prof. Madya Irma Wani Othman kerana dengan kesabaran, tunjuk ajar serta bimbingan daripada mereka telah membuka ruang untuk saya menyiapkan artikel ini.

Tidak lupa juga, ucapan penghargaan ini saya tujukan kepada rakan-rakan yang turut memberi peringatan dan sokongan dengan membantu saya menjawab setiap kemusykilan umum yang

saya utarakan. Jutaan terima kasih juga ingin saya ucapkan kepada Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd yang telah menerbitkan artikel ini.

Akhir kata, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang pembikinan kerja kursus ini. Terima kasih setinggi langit. Saya amat menghargainya.

Rujukan

Al-Quran

- Al-Bakr. *I'anat al Talibin*. (1995) Beirut, Lebanon : Dar al Kutub al 'ilmiyyah, jil.3, hlm. 245)
- Abd. Wahab, Che Wan dan Ab Hamid. (2015). *Pengurusan Harta Dalam Islam: Hibah Sebagai Instrumen Dalam Menjamin Kemaslahatan Masyarakat Di Alam Melayu*. Kedah : UiTM Cawangan Kedah
- Al-Khatib. (1994). *Kitab al-Iqna'*, jil. 2, hlm. 171
- Al-Qadiri, Muhammad bin Husayn bin Ali. (1997). *Takmilah al-Bahr al-ra'iq Sharh Kanz al Daqa'iq*. Dar al-Kutub al -Ilmiyyah. Jil 7; hlm 483
- Al-Sharbini dan al-Khatib. (1994). *Mughni al-Muhtaj*, jil. 4. Beirut: Dar Ihya' al- Turath al-'Arabi.
- Azmi, Nik Saleh dan Zakaria. (2022). *Hibah Sebagai Alternatif di dalam Menyelesaikan Isu Pewarisan Harta Pusaka Yang Melibatkan Muallaf di Malaysia: Satu Analisis*. Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies

Hadis

- Ibn Manzur, J. a.-D. (2003). *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Rushd dan Ahmad. (t.th). *Bidayat al-Mujtahid Wa Nihayat al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Jil.Muhammad
- Konting (1998). *Kaedah Penyelidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka,
- Kamis dan Abd. Wahab. (2022). *Investigating the level and determinants of hibah knowledge: a study among Muslims in Kedah, Malaysia*. Journal of Islamic Accounting and Business Research, Vol. 13 No. 3.
- Kambol. (2019). *Pengurusan Harta Orang Islam Melalui Hibah: Isu Dan Penyelesaian*. Journal of Law & Governance Volume 2 (No. 1) 2019: 99-113.
- M. Asro. (2021). *Penyelesaian Warisan Melalui Hibah dalam Perspektif Hukum Islam*. Bandung : UIN Sunan Gunung Djati Bandung.
- Markom dan Mohd Arif. (2022) *Status Quo Hibah dalam Penyelesaian Pertikaian Harta di Malaysia* oleh . Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muda. (2008). *Instrumen Hibah : Analisis Hukum dan Aplikasi Di Malaysia*. Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008. Anjuran JAKIM pada 7 Ogos 2008 bertempat di Dewan Serbaguna, Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
- Muhamad dan N. H. (2011). *Hibah dalam Undang-undang Islam Prinsip dan Amalan*. Selangor: Info Meditasi Sdn. Bhd.
- Nor Muhamad (2009). *Elemen Qabd (Pindahan Milikan) Dalam Hibah: Analisis Terhadap Keperluan dan Pelaksanaannya Mengikut Perspektif Undang-Undang Islam*. Jurnal Syariah, 17(2), 243-266.

Rujukan Kes

- Awang Bin Abdul Rahman Lwn Shamsuddin Bin Awang & Seorang Lain [1998] 6 MLJ 231
- Ibrahim Yusuff Lwn Eshah Hj Ishak Dan 4 Yang Lain (2006) JH XXI/II, 158-177
- Kamsiah Yusof Lwn. Latifah Yusof & Yang Lain [2009] 3 LNS 3
- Mohd Mokhtar Hj. Abdullah Lwn Fadhilah Hj. Abdullah & 4 yang lain [2005] 1 JH 138

Norani Abd Rahman V. Md Taib Hanapi [2003] 1 LNS 377
Re Abdul Rahman bin Hj Ahmad & Ors [2013] 1 SHLR 51
Sabedah bt Abdullah Lwn 3 Yang lain, MTS Kes Mal No. 05100-044-0082-2007
Saharain Bin Nordin Lwn Noridah Binti Nordin 1 JH (2008) 73
Salmiah bt Che Hat Lwn Zakaria bin Hashim [JH 2001, Jld.14 Bhg 1 & 2]
Serimah Abd Rahim Lwn Muhammad Hakimi Marzuki [2001] 3 LNS 3
Teh bt Ngah Lwn Limah bt Ismail & Ors [2011] 4 SHLR 64
Zamani Mohd Noor Lwn Awang Merah dan 1 yang lain (2008) JH 26 (2)